

# Sikap Dr. Mahathir: Pandangan Negara membangun

BT 28 MAR 1982

DIAWAL pentadbiran beliau, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad telah bertindak tegas dan begitu drastik dalam beberapa hal. Tetapi tindakan tersebut bukan sahaja tertumpu ke dalam hel ehwal Malaysia sahaja malah "menyentuh peribadi" negara-negara dunia luar. Tindakan Dr. Mahathir membersihkan, melicinkan dan mengamankan pentadbiran negara sudah barang tentu mendapat sokongan dari semua golongan yang jujur.

Tetapi apa kata pula sekiranya tindak-tanduk beliau itu menjejaskan kepentingan negara-negara luar ke atas Malaysia? Seperti pembentukan dasar lebih mementingkan timur tanpa melupakan barat. Peralehan dari barat ke timur ini yang belum dicuba oleh ketiga-tiga Perdana Menteri kita yang terdahulu itu tentunya menimbulkan rasa tidak puas hati pada pihak barat. Hakikat ini sudah tentu tidak dapat dinafikan lagi.

Dalam soal ini apakah pula pendapat daripada negara-negara yang sedang membangun seperti

Dr. Mahathir itu adalah sebagai titik permulaan bagi negara-negara membangun memikirkkan

lagi takut untuk bertindak di luar dugaan negara-negara maju terutama sekali British. Sikap tegas Dr. Mahathir ketika menyampaikan pandangannya dalam ucapan tersebut mendapat perhatian seluruh para peserta dari negara-negara membangun.

Seorang lagi peserta simposium tersebut yang ditemui ketika melawat Pulau Pinang bersama seramai 40 orang peserta yang lain, Encik Francis Maina - Pengurus Besar Perbadanan Kewangan Pertaman KENYA, berpendapat:

"Dr. Mahathir telah

tuk pasaran sendiri dan tidak tertakluk kepada kuasa negara-negara pengguna." katanya lagi. Walaupun sekecil mana hasil keluaran negara-negara membangun, dengan adanya kuasa tersebut akan dapat membentuk peribadi sendiri.

Encik Maina seterusnya menyokong penuh langkah kerajaan Malaysia sekarang yang berjuang dengan segenap tenaga untuk menubuhkan persatuan atau badan negara-negara pengeluar bijih timah. Pasaran bijih timah antarabangsa sekarang terletak di London

membangun sedikit sebanyak dapat memberi gambaran kepada kita apakah sikap mereka ke atas Malaysia hari ini di bawah pentadbiran Dr. Mahathir. Walaupun ini bukanlah pendapat negara masing-masing, hanya pendapat secara peribadi sahaja namun ianya menggambarkan keadaan sebenar pandangan luar ke atas negara kita.

timana Malaysia sendiri? Ketika merasmikan Simposium Mobilisasi Simpanan Perseorangan di Negara-negara Membangun di Kuala Lumpur baru-baru ini sedikit sebanyak Dr. Mahathir telah menerangkan sikap Malaysia terhadap negara-negara maju hari ini.

Antara lain beliau menegaskan, betapa perlunya negara-negara membangun tidak kira di benua mana ia berada, supaya ber-satu padu dalam apa bentuk hubungan sekalipun untuk membangunkan negara masing-masing tanpa bergantung sangat pada pihak barat.

"Pendapat Dr. Mahathir itu memang tepat dan kena pada tempatnya," kata salah seorang peserta simposium tersebut Encik Derek Peart. Beliau adalah Pengarah Urusan Pertubuhan Simpanan Kebangsaan Jamaica.

Bagi Encik Peart pendapat Datuk Sri

semula dasar pembangunan negara masing-masing. Beliau bersetuju dengan pendapat tersebut berdasarkan kepada kebanyakan masalah dan halangan kemajuan yang dihadapi oleh negara-negara membangun pada dasarnya adalah sama.

"Dengan persamaan dalam banyak hal dan bidang itu negara-negara membangun boleh mengatasi dan mengutamakan masalah masing-masing dengan cara bergerak dan bekerjasama antara satu sama lain," kata Encik Peart lagi. Malaysia sebagai salah sebuah negara yang sedang membangun di Asia telah memulakan langkah tersebut dengan bertindak secara bersendirian melalui beberapa perubahan dasar perdagangan dan pelajarannya.

Encik Peart seterusnya memuji sikap Malaysia di bawah pentadbiran Dr. Mahathir yang tidak

mencipta seperti satu peraturan atau undang-undang kepada negara-negara membangun secara keseluruhannya untuk bersatu ke arah kepentingan bersama."

Cadangan Datuk Sri Dr. Mahathir supaya negara-negara membangun itu bersatu dalam segala bidang ekonomi dan politik akan dapat mengelakkan amalan diskriminasi oleh negara-negara maju. Kerana dengan bersatu, negara-negara membangun akan dapat menetapkan sendiri harga-harga barangan untuk dieksport ke negara maju. Encik Maina seterusnya berpendapat, tujuan sebenar Perdana Menteri kita berpendirian demikian ialah supaya negara-negara membangun mempunyai 'bargaining power.'

"Dengan memperolehi kuasa tawar-menawar itu negara-negara membangun akan dapat memben-

walaupun kerajaannya tidak menjadi negara pengeluar bijih antara yang terbesar di dunia.

Sementara itu Naib Presiden Persatuan Bank-bank Simpanan Sweden, Encik Uno Tenfalt pula berpendapat: adalah wajar Malaysia bertindak dari sekarang untuk masa depannya sendiri.

Harapan Perdana Menteri kita ketika berucap merasmikan simposium tersebut adalah hendak mewujudkan negara-negara membangun yang boleh berdiri atas kaki mereka sendiri dengan bantuan kawan-kawan seperingkat, kata Encik Uno. Beliau juga setuju dengan saranan Datuk Sri Dr. Mahathir bahawa negara-negara membangun boleh menggunakan atau mengimport hasil keluaran rakan masing-masing.

Pendapat yang disuarakan di atas oleh beberapa orang tokoh negara-negara